

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 16 JULAI 2020

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah masjid-masjid dan surau yang sudah begitu lama dan usang seperti Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Lada, Masjid Al-Falah, Kampung Bukit Kalam, Masjid Abu Bakar, Kampung Bebuloh, Surau Nur Hidayah, Kampung Batu Arang, Surau Al-Munawarah, Kampung Patau-Patau 1, Surau Darussalam, Kampung Patau-Patau 2, Masjid Nur Imam, Kampung Ganggarak, Masjid Adam, Kampung Lajau, Masjid Kampung Ranche-Ranche, Surau Kampung Bukit Kuda, Surau Kampung Nagalang dan Surau Kampung Kilan akan dapat dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman terdapat 7 projek membaik pulih dan menaik taraf telah diluluskan pada tahun 2018 dan 2019 yang melibatkan kos sebanyak RM350,000.00 di Wilayah Persekutuan Labuan. Senarai masjid dan surau yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil.	Masjid/Sarau	Kos (RM)	Jenis Peruntukan	Status Pelaksanaan
1.	Membina Tandas Dan Bilik Memandikan Jenazah Serta	50,000.00	Unit Perancang Ekonomi (2019)	Dalam Pelaksanaan

SOALAN NO : 34

Bil.	Masjid/Surau	Kos (RM)	Jenis Peruntukan	Status Pelaksanaan
	Kerja-Kerja Berkaitan Di Surau Nurhidayah Kampung Batu Arang.			(Jangkaan siap: Oktober 2020)
2.	Membaik Pulih Surau Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kampung Patau-Patau 2.	50,000.00	Unit Perancang Ekonomi (2019)	Dalam Pelaksanaan (Jangkaan siap: Oktober 2020)
3.	Membaik Pulih Surau Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kampung Ganggarak.	50,000.00	Unit Perancang Ekonomi (2019)	Dalam Pelaksanaan (Jangkaan siap: November 2020)
4.	Membaik Pulih Surau Al Ubudiyah Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kampung Bukit Kuda.	50,000.00	Unit Perancang Ekonomi (2019)	Sudah Siap
5.	Membaik Pulih Surau Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kampung Ranche-Ranche Laut.	50,000.00	Unit Perancang Ekonomi (2019)	Sudah Siap
6.	Menaik Taraf Ruang Letak Kereta Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Masjid Al-Falah, Kampung Bukit Kallam.	50,000.00	Projek Mesra Rakyat	Sudah Siap
7.	Membina Ruang Letak Kereta Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Surau Al-Irsyad, Kampung Kilan.	50,000.00	Projek Mesra Rakyat	Sudah Siap
Jumlah Keseluruhan		350,000.00		

Sekian, terima kasih.